

**PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATO' SRI DR. ADHAM BIN BABA
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR]

TARIKH : 13 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

TUAN SU KEONG SIONG [KAMPAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status terkini cadangan pembinaan Hospital Kampar yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kementerian Kesihatan Malaysia sedia maklum akan cadangan pembinaan Hospital Kampar ini. Untuk makluman, tapak cadangan asal bagi pembinaan Hospital Kampar baharu adalah tanah milik Persekutuan di PT 23109 HSD 12626, Mukim Kampar, Daerah Kampar, Perak berkeluasan 104.23 ekar. Walau bagaimanapun, berdasarkan ulasan teknikal, tapak ini adalah tidak sesuai untuk dibangunkan kerana akan melibatkan kos kerja tanah yang sangat tinggi memandangkan hampir lapan puluh peratus (80%) daripada tapak tersebut merupakan bekas kawasan lombong.

2. Sehubungan itu, pada masa ini Kementerian Kesihatan Malaysia sedang dalam proses pertimbangan bagi menentukan tapak cadangan alternatif yang bersesuaian untuk tujuan tapak pembinaan Hospital Kampar yang baharu. Kementerian Kesihatan Malaysia akan memuktamadkan tapak cadangan setelah mendapat ulasan dari segi teknikal berhubung kesesuaian tapak cadangan untuk tujuan pembinaan Hospital Kampar baharu.

Sekian, terima kasih.